

# Lawatan PM ke negara2 Asean dialu2kan

Oleh NORDIN MOHAMAD

KUALA LUMPUR, Rabu — Rancangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk melawat negara-negara anggota ASEAN disifatkan sebagai sangat baik dan memberi erti yang besar dalam meneruskan hubungan muhibbah serta kerjasama serantau keluarga ASEAN.

Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustafa Jabar berkata hari ini, lawatan Datuk Seri Dr. Mahathir itu satu langkah yang sangat baik bagi meneruskan hubungan muhibbah dan kerjasama serantau keluarga ASEAN yang telah wujud begitu erat selama ini.

Katanya, Datuk Seri Dr. Mahathir bukanlah asing kepada ketua-ketua negara anggota ASEAN dan perhubungan beliau dengan ASEAN, selama ini sangat erat dan mesra.

Datuk Seri Dr. Mahathir baru-baru ini menyebut rancangannya untuk melawat negara-negara ASEAN atas sifatnya sebagai Perdana Menteri baru.

Negara pertama yang mungkin beliau kunjungi selepas Hariraya ini ialah Indonesia.

## Hubungan

Ketika diminta pandangan mengenai lawatan Perdana Menteri itu, Datuk Haji Mustafa berkata, rancangan itu sangat baik dan memberi erti yang besar dalam hubungan muhibbah serta kerjasama serantau keluarga ASEAN.

Katanya lagi, Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn juga selepas mengambil alih tampok pemerintahan negara juga melakukan lawatan ke negara-negara ASEAN.

Beliau berharap, lawatan Datuk Seri Dr.

Mahathir itu akan dapat memberi gambaran yang lebih jelas lagi kepada ketua-ketua negara ASEAN terhadap jaminannya bahawa dasar-dasar negara termasuk dasar luar Malaysia tidak berubah di bawah pimpinannya.

Menurut Datuk Haji Mustafa, ketua-ketua negara ASEAN telah pun memahami Datuk Seri Dr. Mahathir datang dari parti yang sama (UMNO) dengan Tun Hussein Onn.

"Kita mempunyai keyakinan penuh, peralihan pucuk pimpinan negara yang diambil alih oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dengan begitu licin dan sempurna ini membuktikan dasar Kerajaan Malaysia terhadap ASEAN akan terus kukuh dan kuat," ujarnya.

Malaysia penuh yakin,

tambah Datuk Haji Mustafa, konsep aman, bebas dan berkecuali merupakan satu-satunya dasar yang boleh menjamin dan menjadikan perpaduan umat manusia di rantau ini.

Tegasnya, kemunculan ASEAN di rantau ini dan memelopori perdamaian serta menentang sebarang campurtangan asing terhadap sesebuah negara lain telah diketahui dunia dan mendapat sambutan menggalakkan dari negara-negara yang menghormati kerjasama antarabangsa.

Katanya lagi, dasar seumpama itulah yang akan terus diperjuang dan dipertahankan kerana Malaysia serta negara-negara ASEAN lain ingin membangun negerinya sendiri demi kemakmuran rakyat.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia